

absoluteTM

PR

be seen. be heard.

Publication:	SUTRA
Page:	Cover Page
Month of Issue:	November 2013



absoluteTM

PR

be seen. be heard.

Publication:	SUTRA
Page:	46
Month of Issue:	November 2013

produk terkini



Warna-warni masakan

Periuk dan kuali berwarna boleh mencantikkan lagi dapur anda. Barulah bersemangat nak masak!

Jenama barangan dapur dari Jerman, **Silit**, telah menghasilkan rangkaian barangan dapur dengan warna alam semula jadi terbaharu. Ia termasuk rona biru kegunungan, hijau lautan, putih dan hitam.

Setiap barangan dapur Silit diperbuat daripada bahan eksklusif, seramik Silargan, yang menawarkan pelbagai manfaat. Ia keras, tahan panas dan boleh kekal lama.

Di samping itu ia turut dikatakan sesuai untuk mereka yang mempunyai alahan kerana produk ini bebas daripada bahan nickel dan bersifat antibakteria.

Di Takashimaya, Isetan Scotts, TANGS, Kitchen Culture dan ToTT. Harga: Mulai \$159.



Kopi lemak manis

Nikmati kopi susu berkrim terbaharu, **Smoothlatte**, berjenama **Nescafé**.

Kopi **latte** yang menawarkan rasa lemak manis dengan aroma harum ini sesuai untuk diminum pada bila-bila masa.

Di kedai serbaneka, kedai runcit dan pasar raya terkemuka. Harga: \$1.30 untuk sebotol berukuran 190 mililiter.

Susu omega-3

Susu coklat yang padat dengan rasa koko merupakan minuman lazat.

Ayuh, cuba susu coklat rendah lemak dan tinggi kalsium dengan **DHA Omega-3** berjenama **F&N Magnolia**.

Asid lemak penting, **DHA Omega-3**, yang boleh didapati dalam makanan seperti ikan dan kekacang baik untuk kesihatan otak, mata dan jantung kanak-kanak serta golongan dewasa.

Susu coklat ini juga kaya dengan khasiat protein, kalsium, vitamin D dan rendah kandungan lemak.

Di pasar raya dan kedai runcit terkemuka. Harga: \$1.30 hingga \$3.50.



Kurangkan air & minyak

Rangkaian barangan dapur terbaharu, **Tupperchef Inspire Cookware**, berjenama **Tupperware** direka khas untuk mengekalkan hampir 98 peratus khasiat daripada bahan-bahan masakan dengan mengurangkan air di dalamnya.

Apabila anda memasak dengan menggunakan banyak air, khasiat daripada makanan seperti sayur, daging atau ayam akan ikut larut ke dalam air tersebut, walhal anda mahu mengekalkannya. Ini bagi membolehkan anda menikmati perisa semula jadi bahan-bahan masakan itu di samping meraih manfaatnya.

Dengan menggunakan produk ini juga anda dikatakan berupaya untuk memasak tanpa atau dengan menggunakan hanya sedikit minyak sahaja.

Di 85, Defu Lane 10, #01-00. Harga: \$216 hingga \$878.



SUSUNIAN NURMAYA ALIAS